



Himpunan
Keputusan
FATWA

Negeri Pulau Pinang

Tahun
1995-2000

Cetakan Keempat: 2016



Hakcipta terpelihara:

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian penerbitan ini dalam apa jua bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

Susunan:

Bahagian Fatwa
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
<http://mufti.penang.gov.my>

Diterbit oleh:

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Tingkat 48, KOMTAR,
10000 Pulau Pinang.
Tel: 04-2632975
Faksimili: 04-2632985

Rekabentuk /Urus Cetak


BAHA DESIGN & ADVERTISING

HIMPUNAN FATWA 1995



• Menukar Nama Kepada Nama Bukan Islam	1
• Perpindahan Kubur Lot 584, Mukim 6, Jalan Baru, Seberang Perai Tengah	1
• Wasiat Berkaitan Wakaf	2
• Fidyah Puasa	3
• Taklik	4
• Fatwa Berkenaan Harta Pusaka Allahyarham N.A.R. Abdul Rahim	4
• Cadangan Merobohkan Dan Membina Semula Surau Paya Keladi	5
• Menambah Bangunan Masjid Jamiul Badawi, Kepala Batas	6
• Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Surau Di Lot 5817 Dan 5818, Mukim 12, Daerah Barat Daya	6
• Kes Tanah Wakaf Masjid Simpang Enam	7
• Pemindahan Batu Nisan	9

HIMPUNAN FATWA 1996



• Penubuhan Qaryah Masjid Padang Cempedak	11
• Permohonan Mendirikan Solat Jumaat Berasingan Di Masjid Sungai Dua Pekan, Seberang Perai Utara	11
• Pengubahsuaian Dan Pembesaran Masjid Jamek Padang Menora	12
• Hukum SUKOM Yang Ditaja Oleh Syarikat Carlsberg	13
• Cadangan Pembinaan Rumah Sembelih Babi Di Seberang Perai Tengah	13
• Waran Peruntukan Untuk Kerja-Kerja Membina Atau Memperbaiki Rumah Ibadat Bukan Islam	14
• Pandangan Dan Ulasan Mengenai Pengubahsuaian Masjid Dan Surau	16
• Gambar Ayat-Ayat Al-Quran Dalam Bentuk Kapal	17
• Fatwa Pengiraan Zakat Padi Dan Subsidi Padi (Mal Al-Mustafad)	18

MASALAH SARUNG KAKI YANG TERCATAT DI ATASNYA SEAKAN-AKAN AYAT AL-QURAN

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memutuskan bahawa tulisan yang terdapat pada sarung kaki itu tidak dapat dibaca sebagai tulisan jawi atau ayat al-Quran.

(Disember 2000)

ISU IBRAHIM SEORANG ISLAM (BUTA) YANG TELAH BERKAHWIN DENGAN PEREMPUAN HINDU SETELAH MEMELUK ISLAM TETAPI MASIH HIDUP DALAM KELOMPOK DAN SUASANA HINDU TERUTAMA BAGI GENERASINYA YANG KEDUA SEHINGGA MELIBATKAN NAMA DAN AGAMA

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah mencadangkan supaya siasatan lanjut dibuat bagi menyelamatkan diri Ibrahim dengan memberi kebenaran kepadanya untuk tinggal di rumah transit (Darus Saa'dah).

(Disember 2000)

CADANGAN MENUBUHKAN QARYAH PERMATANG SINTOK, PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju memberi kelulusan kepada penubuhan Qaryah Permatang Sintok, Penaga, Seberang Perai Utara.

(25 Oktober 2000)

ISU AJARAN SESAT AL-MAS NEGERI PULAU PINANG

Keputusan

Mesyuarat bersetuju memperakukan penyelewengan ajaran ini seterusnya akanewartakan kesesatan fahaman dan amalan ajaran berkenaan.

(Disember 2000)

ISU AJARAN TARIQAT NAQSYABANDIYAH AL- A'LIYYIAH

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju memperakukan penyelewengan ajaran ini dan seterusnya akanewartakan kesesatan fahaman dan amalan ajaran berkenaan.

(Disember 2000)

HIMPUNAN FATWA 1998



• Wang Zakat Yang Tidak Habis Diagihkan	21
• Perlantikan LHDN Sebagai Amil Zakat Gaji	21
• Perkahwinan Penghidap Penyakit Aids (HIV)	22
• Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Masjid Qaryah Permatang Rambai, Seberang Perai Utara	22
• Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Masjid Qaryah Kubang Menerong Di Kepala Batas, Seberang Perai Utara	23
• Cadangan Membina Masjid Dan Qaryah Baharu Di Bandar Baru Perda, Seberang Perai Tengah	23
• Solat Jumaat Sementara Di Pusat Serenti	24
• Memohon Kebenaran Untuk Menubuhkan Qaryah Masjid Jalan Panchor Serta Kebenaran Mendirikan Solat Jumaat Sementara	24
• Permohonan Menubuhkan Sempadan Baharu Qaryah Masjid Pokok Machang	25
• Cadangan Merobohkan Surau Mat Saman	26

• Sempadan Qaryah Padang Benggali	25
• Memohon Kebenaran Mendirikan Solat Jumaat Sementara Di Sekolah Menengah Agama Nibong Tebal	26

MEMOHON MEROBOKKAN MASJID LAMA DAN MEMBINA MASJID BAHARU, PULAU MERTAJAM, PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju memberi kebenaran seperti perkara-perkara berikut :-

1. Memberi kebenaran untuk merobohkan masjid lama dan membina masjid baharu Pulau Mertajam, Penaga, Seberang Perai Utara.
2. Garis panduan mengenai pengurusan bahan binaan masjid yang dirobokkan boleh merujuk kepada Ketua Unit Qaryah.
3. Mesyuarat bersetuju memberi kebenaran menunaikan solat Jumaat dan solat waktu sementara di tempat yang akan dibina di atas Lot 1545 apabila projek pembinaan dimulakan.

(25 Oktober 2000)

• Sempadan Qaryah Padang Benggali	25
• Memohon Kebenaran Mendirikan Solat Jumaat Sementara Di Sekolah Menengah Agama Nibong Tebal	26

MEMOHON MEROBOKKAN MASJID LAMA DAN MEMBINA MASJID BAHARU, PULAU MERTAJAM, PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju memberi kebenaran seperti perkara-perkara berikut :-

1. Memberi kebenaran untuk merobohkan masjid lama dan membina masjid baharu Pulau Mertajam, Penaga, Seberang Perai Utara.
2. Garis panduan mengenai pengurusan bahan binaan masjid yang dirobokkan boleh merujuk kepada Ketua Unit Qaryah.
3. Mesyuarat bersetuju memberi kebenaran menunaikan solat Jumaat dan solat waktu sementara di tempat yang akan dibina di atas Lot 1545 apabila projek pembinaan dimulakan.

(25 Oktober 2000)

HIMPUNAN FATWA 2000



• Kes Kedudukan Tanah Wakaf Dan Bangunan Surau Kg. Perlis, Bayan Lepas	35
• Mengawasi Sarang Maksiat Di KOMTAR, Pulau Pinang	36
• Isu Sumber Zakat Sebagai Biasiswa Pengajian Tinggi Dijadikan Pinjaman	36
• Isu Pembelian Dan Penggunaan Alcohol Analyser (Alat Pengesan Alcohol)	37
• Isu Masjid Lama Dan Baharu Di Sungai Dua	38
• Mendirikan Solat Jumaat Di Kolej Matrikulasi Pongsu Seribu, Kepala Batas	39
• Memindahkan Kesemua Kubur Lama Ke Bahagian Sebelah Dalam Di kawasan Yang Sama Di Lot 1056 Dan 1057, Lebuhr Chulia, Pulau Pinang Bagi Melaksanakan Projek Pembangunan Di Kawasan Itu	40
• Memohon Merobohkan Masjid Lama Dan Membina Masjid Baharu, Pulau Mertajam, Penaga, Seberang Perai Utara	41
• Cadangan Menubuhkan Qaryah Permatang Sintok, Penaga, Seberang Perai Utara	42

5. Kewujudan masjid baharu perlu diisytiharkan, masjid lama dikekalkan dan tidak boleh dirobohkan.

(13 Mei 2000)

MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA DI KOLEJ MATRIKULASI PONGSU SERIBU, KEPALA BATAS

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memutuskan keputusan seperti berikut :-

1. Solat Jumaat yang didirikan sebelum ini di kolej tersebut adalah sah mengikut Mazhab Hanafi dan satu pendapat dari pendapat-pendapat Mazhab Syafie iaitu sah solat Jumaat oleh mereka yang bermukim. (Sila rujuk kitab *Al-Majmu'*, Juzuk 4, Dar Al-Fikri, (t.t), halaman 503 dan 505).
2. Masjid Qaryah Pongsu Seribu tidak dapat menampung bilangan-bilangan pelajar kolej yang terlalu ramai.
3. Berbilang Jumaat diharuskan dalam satu qaryah sekiranya keadaan memerlukan. (Sila rujuk kitab *Mughni Al-Muhtaj*, Jilid 1, Dar Al-Fikri, (t.t), halaman 281).

(25 Oktober 2000)

menjual arak supaya jangan menjual arak kepada orang-orang Islam.

(13 Mei 2000)

ISU MASJID LAMA DAN BAHARU DI SUNGAI DUA

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memutuskan :-

1. Solat Jumaat hendaklah ditunaikan secara bergilir-gilir di antara masjid yang berhampiran dengan kubur dan masjid baharu.
2. Masjid lama perlu dijaga dan dibaikpulih. Kedua-dua masjid lama dan baharu hendaklah ditadbir oleh jawatankuasa yang sama.
3. Solat berjemaah hendaklah ditunaikan secara bergilir-gilir di antara masjid lama dan masjid baharu.
4. Masjid lama patut dihidupkan dengan menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti mengadakan kelas pengajian kanak-kanak dan sebagainya di samping menjaga kehormatannya sebagai masjid.

• Isu Ajaran Sesat Al-Mas Negeri Pulau Pinang	42
• Isu Ajaran Tariqat Naqsyabandiyah Al-A'liyyah	42
• Masalah Sarung Kaki Yang Tercatat Di Atasnya Seakan-akan Ayat Al-Quran	43
• Isu Ibrahim Seorang Islam (Buta) Yang Telah Berkahwin Dengan Perempuan Hindu Setelah Memeluk Islam Tetapi Masih Hidup Dalam Kelompok Dan Suasana Hindu Terutama Bagi Generasinya Yang Kedua Sehingga Melibatkan Nama Dan Agama	43

ISU PEMBELIAN DAN PENGGUNAAN ALCOHOL ANALYSER (ALAT PENGESAN ALCOHOL)

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memutuskan perkara-perkara seperti berikut :-

1. Jawatankuasa Syariah memberi sokongan penuh kepada Pegawai Penguatkuasa untuk membeli dan menggunakan alat *Alcohol Analyser*.
2. Penggunaan alat ini tidak bertentangan dengan kehendak Syarak, bahkan peralatan yang lebih canggih patut digunakan sebagai memenuhi tuntutan semasa.
3. Penggunaan peralatan ini oleh sesetengah negeri ternyata berkesan bagi mengawal masyarakat Islam daripada terlibat dengan arak yang amat mengaibkan kedudukan Islam.
4. Kaedah penggunaan alatan ini adalah mengikut kaedah pakej belian dan latihan.
5. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Seksyen 9 telah memberi kuasa kepada Penguatkuasa Agama sehingga boleh memaksa mereka yang disyaki meminum arak bagi menjalani ujian pernafasan.
6. Mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya mengeluarkan satu surat arahan kepada premis-premis



MENGAWASI SARANG MAKSIAT DI KOMTAR, PULAU PINANG

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memutuskan suatu jadual khusus lawatan pemeriksaan perlu diatur oleh pihak Penguatkuasa secara mingguan atau bulanan bagi membanteras maksiat yang agak keterlaluan khususnya di tingkat 5, KOMTAR.

(13 Mei 2000)

ISU SUMBER ZAKAT SEBAGAI BIASISWA PENGAJIAN TINGGI DIJADIKAN PINJAMAN

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memutuskan masalah biasiswa dijadikan pinjaman pengajian seperti berikut :-

1. Tiada mana-mana Majlis / Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri yang melaksanakan skim pinjaman pengajian dari sumber zakat.
2. Wang zakat itu sendiri tidak boleh diberi sebagai bantuan pinjaman kerana harta zakat merupakan *tamlik* (memberi milik) bukan untuk pinjaman mereka.

(13 Mei 2000)

MENUKAR NAMA KEPADA NAMA BUKAN ISLAM

Adakah boleh menukarkan nama dalam kad pengenalan dan nama Islam kepada nama bukan Islam atas alasan keluar dari agama Islam untuk berkahwin dengan orang bukan Islam?

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah telah memutuskan bahawa penama ini yang asalnya beragama Islam dan ingin berkahwin dengan pemuda bukan Islam (Hindu) mengikut agama Hindu adalah berdosa dan tidak sah perkahwinannya di sisi agama Islam. Oleh itu, adalah diminta supaya perempuan ini dipanggil dan ditemuramah oleh Lembaga Muslim League, Bukit Mertajam supaya dapat dinasihati dan diberi kaunseling agar tidak keluar daripada Agama Islam.

(Mac 1995)

PERPINDAHAN KUBUR LOT 584, MUKIM 6, JALAN BARU, SEBERANG PERAI TENGAH

Pihak kami ingin memohon kebenaran dan fatwa perpindahan kubur lama di atas Lot 584, Mukim 6, Jalan Baru, Seberang Perai Tengah.

Keputusan

Pemindahan kubur lama ke tempat baharu adalah ditegah dan haram hukumnya, malah kubur itu hendaklah dijaga dengan baik sebagai orang Islam, berdasarkan dari Kitab *Al-Ightinak Fi Farqi Al-Istisnak*, m/s 283 dan 284.

(الإغتناء في فرق الإستثناء)

Oleh itu Jawatankuasa bersetuju untuk tidak mengeluarkan fatwa bagi membenarkan perpindahan ini.

(Mac 1995)

WASIAT BERKAITAN WAKAF

Pihak kami ingin memohon pandangan mengenai surat wasiat Encik Zachariah Bin Omar Bachir berkenaan penerimaan wakaf yang berhak atas rumah No. 67, Lebuhr Achek, Pulau Pinang.

Keputusan

Jawatankuasa telah memutuskan bahagian-bahagian wakaf khas orang yang telah mati terdiri daripada Syed Syeikh, Syed Omar dan Syed Ali adalah terluput dan yang masih kekal pembahagian wakaf itu hanya untuk Syed 'Othman sahaja. Maka peruntukan pampasan di waktu itu adalah tertakluk kepada Peruntukan Undang-Undang Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang sedia ada (1959).

(Mac 1995)

KES KEDUDUKAN TANAH WAKAF DAN BANGUNAN SURAU KG. PERLIS, BAYAN LEPAS

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memutuskan :-

1. Surau boleh dikategorikan sebagai masjid dalam isu wakaf.
2. Perlu mendapatkan maklumat lanjut mengenai keluasan bangunan surau sebenar supaya dapat dianggarkan kawasan sekeliling yang patut dimasukkan di bawah keperluan surau.
3. Memohon jasa baik Y. Bhg. Dato' Abu Hassan Din Al-Hafiz bertemu dan berbincang dengan pihak Tabung Haji bagi mendapatkan persetujuan mewakafkan tanah surau Kg. Perlis dan kawasan sekeliling untuk kegunaan masyarakat Islam setempat.

(3 Januari 2000)

FIDYAH PUASA

Bagaimanakah pandangan Syarak mengenai ‘fidyah puasa’ yang menggunakan barang kemas?

Keputusan

Jawatankuasa memutuskan bahawa membayar fidyah barang kemas untuk orang yang telah mati adalah bertaqlid kepada Mazhab Imam Hanafi kerana fidyah puasa dalam Mazhab Shafie adalah barang makanan seperti beras. Bagi mereka yang hendak membayar fidyah barang kemas untuk si mati ada syarat-syaratnya iaitu barang kemas itu hendaklah kepunyaan si mati atau kepunyaan waris si mati dan bukan dipinjam daripada orang lain dengan janji hendak dipulangkan semula. Jika sekiranya kepunyaan orang lain maka orang lain itu hendaklah berniat dengan ikhlas untuk menyerahkan barangnya itu (tanpa janji) kepada penerima fidyah itu. Jika tidak, maka tidak boleh dibuat fidyah. Menurut kitab “Al-Wahbah Al-Ilahiyyah” disebutkan bahawa tidaklah boleh membuat fidyah seolah-olah dengan cara main-main sahaja. Ini sepertimana yang disebut “Talaut” berpandukan kepada teks Al-Wahbah Al-Ilahiyyah (الوهبة الإلهية) muka surat 4.

(Mac 1995)



TAKLIK

Apakah boleh taklik rujuk tanpa persetujuan isteri?

Keputusan

Lafaz Taklik yang dibuat oleh suami di negeri Pulau Pinang ini, dibuat atas masalah isteri-isteri. Apabila suami mengucapkan taklik itu maka ia terikat dengan taklik itu dan taklik itu tidak boleh ditarik balik. Taklik itu dalam satu syarat yang mengikat suami yang boleh dibuat kecuali menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal, dan dalam taklik ini tidak pula menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal dan ia termasuk dalam perkara yang harus. Cuma yang timbul pertikaian ialah boleh atau tidak si isteri mensabitkan ia tidak redha dengan rujuk suaminya itu.

(Oktober 1995)

FATWA BERKENAAN HARTA PUSAKA ALLAHYARHAM N.A.R. ABDUL RAHIM

Kami ingin memohon fatwa berkenaan harta pusaka Allahyarham N.A.R Abdul Rahim, perlukah dibahagikan mengikut hukum faraid?

KERATAN TAFSIR MENGENAI ISU KAFIR MENGKAFIR

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju menerima sedutan tafsir tersebut untuk tujuan edaran sekiranya pembekal bahan berkenaan dapat menunjukkan kitab asalnya.

Mesyuarat bersetuju mencadangkan kitab Mastika Hadis terbitan JAKIM sebagai pilihan kepada isu kafir mengkafir.

(17 Julai 1999)

3. Memastikan penjagaan sewajarnya tanah perkuburan tersebut.
4. Majlis perlu mengambil tindakan tidak memindahkan hak milik tanah dan perkuburan terbabit, ianya tetap tanah wakaf.
5. Semua tanah yang terdapat kubur perlulah disatukan menjadi kawasan perkuburan.

(Jun 1999)

MEMOHON MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT DI SURAU POLITEKNIK SEBERANG PERAI

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju memberi kebenaran sementara kepada pihak Politeknik supaya mendirikan solat Jumaat di surau mereka.

(9 Jun 1999)

Keputusan

Jawatankuasa memutuskan bahawa perkara ini adalah bidang tugas Mahkamah Syariah, Negeri Pulau Pinang. Mengikut hukum Islam, bahawa seseorang yang telah meninggal dunia hendaklah dibahagikan harta pusakanya kepada waris-waris mengikut hukum faraid, walaupun mengandungi *Munasakhah* selepas membayar hutang dan wasiat (jika ada).

(Oktober 1995)

CADANGAN MEROBOKKAN DAN MEMBINA SEMULA SURAU PAYA KELADI

Kami ingin memohon kebenaran meroboh dan membina semula Surau Paya Keladi yang telah dhaif dan perlu dibina semula.

Keputusan

Jawatankuasa memutuskan bahawa Surau Paya Keladi ini dibenarkan untuk diroboh dan dibina semula di atas tapak yang asal. Segala kayu, batu-bata, bumbung dan kelengkapan lain bolehlah dijual dan wang tersebut hendaklah digunakan untuk pembinaan surau tersebut, jika tidak ada tempat lain yang boleh dihadiahkan barang-barang itu.

(Oktober 1995)

MENAMBAH BANGUNAN MASJID JAMIUL BADAWI, KEPALA BATAS

Kami ingin memohon kebenaran menambah dan membesarkan bangunan Masjid Jamiul Badawi, Kepala Batas. Harap mendapat pandangan dan ulasan daripada Jawatankuasa tuan.

Keputusan

Jawatankuasa memutuskan bahawa penambahan dan pembesaran bangunan Masjid Jamiul Badawi, Kepala Batas dibenarkan, dengan syarat mendapat kebenaran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang mengikut kehendak Seksyen 66 (2) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam, (Negeri Pulau Pinang) 1993.

(Oktober 1995)

CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA SURAU DI LOT 5817 DAN 5818 MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA

Kami ingin memohon kebenaran meroboh dan membina semula surau dan membina stesyen minyak di atas Lot 5817 dan 5818, Mukim 12, Daerah Barat Daya yang tidak dapat dipastikan status tanah tersebut.

2. Setuju surau lama diberikan kepada Tuan Haji Bakar bin Shariff untuk dijadikan surau di kampungnya di Tanjung Piandang.
3. Keputusan keseluruhannya dalam masalah surau lama/baharu Bukit Dumar dan isu-isu yang berbangkit berhubung dengannya diserahkan kepada keputusan mesyuarat Majlis.

(9 Jun 1999)

MEMINDAHKAN TANAH KUBUR DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 545 MK. 12 DAERAH BARAT DAYA BAGI TUJUAN PROJEK PERUMAHAN

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju supaya perkara-perkara berikut dibawa ke mesyuarat Majlis Agama Islam Pulau Pinang :

1. Kawasan yang mempunyai ratusan kubur perlu diiktiraf sebagai Tanah Wakaf Perkuburan. Proses mempertahankan pengiktirafan ini perlu dibuat oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).
2. Sukatan jarak jauh bahagian tanah yang boleh dikategorikan kawasan perkuburan perlu dibuat dengan kerjasama kepakaran di bahagian Kaji Bumi.

KAJIAN SEMULA KEPUTUSAN MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT DI PENJARA PULAU PINANG

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju mengeluarkan satu surat kebenaran baharu kepada pihak Jabatan Penjara Pulau Pinang untuk memberi kebenaran kepada banduan-banduan serta pegawai Penjara Pulau Pinang bagi menunaikan solat Jumaat di dalam penjara secara bersama.

(9 Jun 1999)

PERMOHONAN MEROBOHKAN SURAU LAMA BUKIT DUMBAR, JELUTONG, PULAU PINANG DIGANTIKAN DENGAN SURAU BAHARU

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju memberi kebenaran untuk 'Istبدال' dan menentukan kaedah pengurusan seperti berikut:-

1. Batu dinding dan lantai surau lama tidak sesuai diletakkan di kawasan pantai bagi mengawal hakisan. Sebaliknya perlu dihantar ke tapak-tapak di mana masjid-masjid baharu dijangka akan didirikan.

Keputusan

Jawatankuasa bersetuju bahawa perkara ini perlu dilaporkan kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang untuk mendapat penjelasan atas kedudukan tanah tersebut sama ada ianya diwakaf atau tidak, di bawah Seksyen 65 (2) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam, (Negeri Pulau Pinang) 1993.

(Oktober 1995)

KES WAKAF TANAH MASJID SIMPANG ENAM

1. Apakah pandangan Ahli Jawatankuasa mengenai syarat-syarat yang terkandung dalam *Surat Amanah Wakaf* atau *Deed Of Settlement* yang ditafsirkan oleh mahkamah sebagai Surat Ikatan Penyelesaian bermaksud – ia digunakan sebagai tempat orang-orang Islam bersembahyang jemaah dan tidak untuk tujuan-tujuan lain.
2. Hakim berkata dalam penghakimannya: Pada pandangan saya, pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) juga harus mempunyai minda yang terbuka mengenai rancangan ini. Majlis bukanlah berada dalam satu keadaan di mana ia perlu membuat satu pilihan antara hidup atau mati. Tanah wakaf itu pun cukup luas untuk

dibina masjid dan bangunan-bangunan lain sebelah-menyebelah. Soalan saya:-

- i. Tidak bolehkah tapak masjid itu dikekalkan untuk masjid?
- ii. Tidak bolehkah bahagian yang selain daripadanya itu digunakan untuk tujuan ekonomi dan sebagainya?

Keputusan

1. Mesyuarat Jawatankuasa Syariah telah memutuskan bahawa syarat tersebut tidak bercanggah dengan apa yang hendak dibuat oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang iaitu dengan membina lima tingkat bercanggah dengan amanah tersebut. Sebabnya dengan pembinaan tersebut tidak menghalang orang-orang Islam bersembahyang jemaah di *mauquf* itu.
2. Jika syarat waqaf itu hanya tempat orang sembahyang, syarat yang disyaratkan itu tidak bercanggah dengan Fatwa tahun 1989 kerana syarat waqif itu bukannya diubah wasiat itu, mengikut kitab *Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuh* (الفقه الإسلامي وأدلته) juzuk 8, dan dalam kitab *Hidayatu Syarhu Bidayah* tetapi untuk meluaskannya sahaja tempat bersembahyang jemaah itu.
3. Jawatankuasa Syariah berpendapat bahawa tidak ada apa-apa halangan untuk menerima pandangan dan cadangan hakim

2. Wang Riba / Faedah adalah haram bagi diri pengusahanya sahaja.
(Rujuk kitab yang sama muka surat 410)
3. Keuntungan / Dividen Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputra (ASB) adalah haram kerana pelaburan terbesarnya adalah Bank Ribawi.

(9 Jun 1999)

HUKUM MENUNAIKAN SOLAT JUMAAT DI LUAR QARYAH

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memutuskan bahawa tiada tegahan bagi seseorang untuk keluar menunaikan solat Jumaat ke qaryah lain selagi sepeninggalannya itu tidak menjejaskan Fardu Jumaat di qaryahnya sendiri. Bagi tujuan meneguhkan semangat persaudaraan antara jemaah setempat, satu surat berbentuk nasihat perlu disampaikan kepada AJK masjid terlibat supaya kegiatan itu tidak berterusan sehingga mempengaruhi jemaah yang lain.

(9 Jun 1999)

MASALAH GARIS PANDUAN KOMPLEKS RENANG PISA

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju menghantar wakil bagi perundingan selanjutnya dengan pihak pengurus Kolam Renang PISA (Relau) berhubung garis panduan penggunaan Kompleks Renang tersebut sesuai dengan pengguna Muslim. Antara syarat yang ditetapkan ialah:-

1. Pakaian mandi perlu menutup aurat khususnya bagi pengguna Muslim dan umumnya bagi Non Muslim.
2. Jadual waktu khusus bagi pengguna lelaki dan perempuan secara berasingan perlu ditetapkan.

(9 Jun 1999)

PERMASALAHAN MENGENAI WANG SHUBHAH / HARAM

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memutuskan bahawa:-

1. Semua wang shubhah / haram yang diserahkan kepada Baitul Mal adalah dianggap satu dan bersih.
(Rujuk kitab al-Imam Yusuf al-Qardhawi, muka surat 411 dan 412)

ini dan tidak bercanggah dengan hukum-hukum Syarak serta fatwa yang dikeluarkan pada tahun 1989 itu.

(Disember 1995)

PEMINDAHAN BATU NISAN

Apakah yang perlu dilakukan bagi memindahkan batu nisan di tapak empangan Teluk Bahang, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang?

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah telah bersetuju dan memberi kebenaran untuk mengorek dan mengubah batu nisan tersebut. Jika sekiranya didapati ada kesan-kesan seperti tulang, rambut, gigi dan lain-lain dan hendaklah dipindahkan ke kubur yang sebenar dengan baik dan sempurna. Manakala kos pemindahan hendaklah ditanggung oleh pihak yang memohon perpindahan kubur tersebut.

(Disember 1995)

MEMOHON KEBENARAN MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA NIBONG TEBAL

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju membenarkan solat Jumaat serentak di sekolah berkenaan dengan syarat menghantar laporan bulanan kepada PTA, Daerah Seberang Perai Selatan.

(Oktober 1998)

PENUBUHAN QARYAH MASJID PADANG CEMPEDAK

Pihak qaryah ingin mencadangkan penubuhan qaryah masjid Padang Cempedak dan memohon untuk melakukan solat Jumaat sementara di surau Padang Cempedak. Adakah ianya dibenarkan?

Keputusan

Perkara ini telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Syariah dan tindakan susulan akan diambil oleh Ketua Unit Qaryah, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.

(Mei 1996)

PERMOHONAN MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT BERASINGAN DI MASJID SUNGAI DUA PEKAN, SEBERANG PERAI UTARA

Pihak qaryah ingin memohon pandangan dan komen daripada Ahli Jawatankuasa Syariah untuk mendirikan solat Jumaat berasingan di dalam qaryah Masjid Sungai Dua Pekan, Seberang Perai Utara.

Keputusan

Satu perjumpaan di antara Mesyuarat Jawatankuasa Syariah dan wakil-wakil masjid Sungai Dua telah diadakan di Jabatan Agama Islam Pulau Pinang pada 6 Mei 1996 bagi

menyelesaikan permohonan mendirikan solat Jumaat berasingan oleh qaryah Masjid Sungai Dua Pekan, Seberang Perai Utara. Jawatankuasa bersetuju membenarkan solat berasingan selepas pengisytiharan dilakukan oleh Sahibus Samahah Dato' Mufti setelah dibawa masuk oleh Ketua Unit Qaryah ke dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Keputusan juga dibuat untuk meminta Qaryah Sungai Dua Pekan mencari tapak yang sesuai untuk mendirikan masjid baru.

(Mei 1996)

PENGUBAHSUAIAN DAN PEMBESARAN MASJID JAMEK PADANG MENORA

Pihak jawatankuasa masjid ingin memohon kebenaran untuk membesarkan ruang masjid yang sudah tidak lagi mampu menampung jemaah yang ramai. Mohon pandangan dan kelulusan.

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju memperakukan cadangan pengubahsuaian dan pembesaran Masjid Jamek Padang Menora dan memberi kelulusan.

(Mei 1996)

PERMOHONAN MENUBUHKAN SEMPADAN BAHARU QARYAH MASJID POKOK MACHANG

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah sebulat suara bersetuju dengan penubuhan sempadan baru tersebut.

(Oktober 1998)

CADANGAN MEROBOHKAN SURAU MAT SAMAN

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju agar dirobohkan surau tersebut dengan syarat dibangunkan semula surau (sahaja) sesuai dengan tapak yang sedia ada.

(Oktober 1998)

SEMPADAN QARYAH PADANG BENGGALI

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memutuskan agar sempadan qaryah Padang Benggali dikembalikan mengikut sempadan asal. Namun bagi kawasan yang baharu, hendaklah dijadikan sebahagian daripada Qaryah Lahar Tabut.

(Oktober 1998)

SOLAT JUMAAT SEMENTARA DI PUSAT SERENTI

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah meluluskan permohonan solat Jumaat sementara di Pusat Serenti demi keselamatan dan kemaslahatan Agama.

(Januari 1998)

MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENUBUHKAN QARYAH MASJID JALAN PANCHOR SERTA KEBENARAN MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah sebulat suara bersetuju dengan permohonan pecah qaryah tersebut serta membenarkan solat Jumaat sementara dilaksanakan sehingga masjid baru siap dibina.

(Oktober 1998)

HUKUM SUKOM YANG DITAJA OLEH SYARIKAT CARLSBERG

Bagaimanakah pandangan hukum Syarak mengenai SUKOM yang ditaja oleh Syarikat Carlsberg?

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memandang berat di atas penajaan daripada Syarikat Carlsberg kerana syarikat ini adalah syarikat yang mengandungi unsur arak, di mana unsur arak tidak pernah menjadi alat pemangkin bagi membangun kesihatan manusia malah sebaliknya iaitu menjadi ibu segala maksiat apatah lagi ianya adalah haram mengikut ajaran Islam dan harta yang diperolehi dari hasil arak ini bagi orang Islam tidak dianggap sebagai “Harta Mutakawam”. Oleh itu penajaan Carlsberg patut ditolak oleh SUKOM.

(Oktober 1996)

CADANGAN PEMBINAAN RUMAH SEMBELIH BABI DI SEBERANG PERAI TENGAH

Pihak kami ingin memohon pandangan atau syarat-syarat bagi cadangan membina rumah penyembelihan babi di Seberang Perai Tengah?

Keputusan

Babi adalah binatang yang haram *zati* kerana keseluruhan babi adalah haram di sisi Islam termasuklah najisnya dan semua anggotanya. Oleh itu, Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memberi pandangan agar rumah sembelih babi jauh daripada kampung orang Melayu, masjid atau surau atau sawah-sawah orang Melayu atau tanah kebun orang Melayu yang ada di atasnya tanaman buah-buahan yang boleh dimakan. Jaraknya adalah paling elok 1000 meter atau jarak yang munasabah.

(Oktober 1996)

WARAN PERUNTUKAN UNTUK KERJA-KERJA MEMBINA ATAU MEMPERBAIKI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

Apakah hukum sekiranya orang Islam melibatkan hartanya dan dirinya dalam membina atau membaiki rumah ibadat bukan Islam?

Keputusan

Adalah haram bagi orang Islam melibatkan hartanya dan dirinya dalam membina atau membaiki rumah ibadat bukan Islam. Apa yang dimaksudkan dengan penglibatan hartanya ialah:

1. Memberi sumbangan

CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA MASJID QARYAH KUBANG MENERONG DI KEPALA BATAS SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju dengan syarat mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

(Januari 1998)

CADANGAN MEMBINA MASJID DAN QARYAH BAHARU DI BANDAR BARU PERDA, SEBERANG PERAI TENGAH

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah sebulat suara meluluskan permohonan tersebut sesuai dengan garis panduan yang ditetapkan.

(Januari 1998)

Keputusan

Babi adalah binatang yang haram *zati* kerana keseluruhan babi adalah haram di sisi Islam termasuklah najisnya dan semua anggotanya. Oleh itu, Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memberi pandangan agar rumah sembelih babi jauh daripada kampung orang Melayu, masjid atau surau atau sawah-sawah orang Melayu atau tanah kebun orang Melayu yang ada di atasnya tanaman buah-buahan yang boleh dimakan. Jaraknya adalah paling elok 1000 meter atau jarak yang munasabah.

(Oktober 1996)

WARAN PERUNTUKAN UNTUK KERJA-KERJA MEMBINA ATAU MEMPERBAIKI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

Apakah hukum sekiranya orang Islam melibatkan hartanya dan dirinya dalam membina atau membaiki rumah ibadat bukan Islam?

Keputusan

Adalah haram bagi orang Islam melibatkan hartanya dan dirinya dalam membina atau membaiki rumah ibadat bukan Islam. Apa yang dimaksudkan dengan penglibatan hartanya ialah:

1. Memberi sumbangan

CADANGAN MEROBOKH DAN MEMBINA SEMULA MASJID QARYAH KUBANG MENERONG DI KEPALA BATAS SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju dengan syarat mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

(Januari 1998)

CADANGAN MEMBINA MASJID DAN QARYAH BAHARU DI BANDAR BARU PERDA, SEBERANG PERAI TENGAH

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah sebulat suara meluluskan permohonan tersebut sesuai dengan garis panduan yang ditetapkan.

(Januari 1998)

PERKAHWINAN PENGHIDAP PENYAKIT AIDS (HIV)

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah sebulat suara melarang sama sekali pasangan menghidap penyakit AIDS (HIV) berkahwin kerana berdasarkan kepada hadis :-

عن أبي سعيد بن مالك بن سنان الخدري رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : لا ضرر ولا ضرار
(حديث حسن, رواه ابن ماجه)

(Januari 1998)

CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA MASJID QARYAH PERMATANG RAMBAI SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju dengan syarat mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

(Januari 1998)

2. Menderma
3. Mewakafkan
4. Menghulurkan bantuan
5. Menolong mengutip derma atau memberi sokongan atau apa jua bentuk pemberian harta-hartanya.

Manakala yang dimaksudkan dengan diri pula ialah mengambil upah untuk membina atau memperbaiki rumah ibadat itu seperti membina simen, membina bumbung atau apa yang bersangkutan paut dengan rumah ibadat itu, semuanya dianggap bersubahat. Jika sekiranya ia terlibat atau melibatkan diri atau hartanya terlibat maka dia bersubahat terhadap pembinaan atau memperbaiki rumah ibadat bukan Islam itu. Adalah tidak termasuk dalam perkara subahat di atas jika ia diperintah atau ditugaskan bagi penyeliaan dan pengawasan terhadap kewangan kerajaan untuk rumah ibadat itu, dan sekiranya orang Islam (Pegawai-Pegawai Kerajaan Islam) tidak melibatkan diri dengan pengawasan dan penyeliaan kewangan itu boleh membawa keburukan dan mudarat yang lebih besar kepada Islam dan orang Islam (maka itu sahaja dibolehkan).

(Oktober 1996)

PERKAHWINAN PENGHIDAP PENYAKIT AIDS (HIV)

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah sebulat suara melarang sama sekali pasangan menghidap penyakit AIDS (HIV) berkahwin kerana berdasarkan kepada hadis :-

عن أبي سعيد بن مالك بن سنان الخدري رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : لا ضرر ولا ضرار
(حديث حسن, رواه ابن ماجه)

(Januari 1998)

CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA MASJID QARYAH PERMATANG RAMBAI SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju dengan syarat mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

(Januari 1998)

2. Menderma
3. Mewakafkan
4. Menghulurkan bantuan
5. Menolong mengutip derma atau memberi sokongan atau apa jua bentuk pemberian harta-hartanya.

Manakala yang dimaksudkan dengan diri pula ialah mengambil upah untuk membina atau memperbaiki rumah ibadat itu seperti membina simen, membina bumbung atau apa yang bersangkutan paut dengan rumah ibadat itu, semuanya dianggap bersubahat. Jika sekiranya ia terlibat atau melibatkan diri atau hartanya terlibat maka dia bersubahat terhadap pembinaan atau memperbaiki rumah ibadat bukan Islam itu. Adalah tidak termasuk dalam perkara subahat di atas jika ia diperintah atau ditugaskan bagi penyeliaan dan pengawasan terhadap kewangan kerajaan untuk rumah ibadat itu, dan sekiranya orang Islam (Pegawai-Pegawai Kerajaan Islam) tidak melibatkan diri dengan pengawasan dan penyeliaan kewangan itu boleh membawa keburukan dan mudarat yang lebih besar kepada Islam dan orang Islam (maka itu sahaja dibolehkan).

(Oktober 1996)

PANDANGAN DAN ULASAN MENGENAI PENGUBAHSUAIAN MASJID DAN SURAU

Apakah yang perlu dilakukan terhadap barang-barang runtutan masjid dan surau lama yang diubahsuai atau dirobuhkan?

Keputusan

Pengubahsuaian masjid atau surau adalah diluluskan dengan diambil kira bahawa bahan-bahan lama hendaklah dijaga kerana bahan-bahan masjid, surau, madrasah atau musolla itu adalah bahan wakaf. Sekiranya bahan-bahan itu masih boleh digunakan untuk tempat-tempat tadi hendaklah digunakan agar *waqif* itu mendapat ganjaran pahala yang berterusan. Sekiranya bahan-bahan boleh rosak jika dibiarkan atau hanya akan dibakar sahaja akhirnya, maka jika ada orang meminta untuk membeli bahan-bahan itu dan orang itu berjanji akan menggunakannya untuk perkara yang diharuskan dan tidak untuk dibuat tempat-tempat keji, maka bolehlah dijual bahan-bahan itu dan wang itu namanya '*Amwalul Badal*' dan boleh disatukan dengan wakaf yang lama yang dinamakan '*Wakaf Mushtarak*'.

Tapak masjid atau surau itu yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Syariah, hendaklah diwakafkan dan diletakkan hak di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan jika ada cadangan yang meminta dikeluarkan dari syarat atau dari peraturan ini hendaklah pihak-pihak yang

WANG ZAKAT YANG TIDAK HABIS DIAGIHKAN

Bagaimanakah jika ada cadangan untuk menghabiskan wang zakat yang tidak habis digunakan seperti dengan cara:-

1. Mewujudkan tabung pinjaman daripada *Al-Faidh*
2. Mewujudkan tabung pinjaman kepada pelajar
3. Keuntungan wang zakat dilaburkan itu dimasukkan ke dalam Akaun Sumber Am sebagai hasil.

Keputusan

Dalam masalah di atas Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri Pulau Pinang sebulat suara menolak dan melarang sama sekali ketiga-tiga cadangan tersebut.

(*Januari 1998*)

PERLANTIKAN LHDN SEBAGAI AMIL ZAKAT GAJI

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju dengan syarat Amilnya dilantik di kalangan staf LHDN yang beragama Islam dan mendapat kebenaran terlebih dahulu dari pengeluar zakat tersebut.

(*Januari 1998*)

lebih tinggi yang boleh meluluskannya tanpa mengikut syarat atau peraturan yang tersebut di atas.

(Oktober 1996)

GAMBAR AYAT-AYAT AL-QURAN DALAM BENTUK KAPAL

Bagaimanakah pandangan Syarak mengenai gambar ayat-ayat Al-Quran dalam bentuk kapal?

Keputusan

Ayat dalam bahtera itu adalah ayat-ayat suci Al-Quran dan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW cuma ia dibuat dalam bentuk kapal yang ditulis ayat-ayat itu di atasnya. Ayat-ayat suci Al-Quran kalau dibuat untuk menghina adalah haram tetapi kalau dijaga dengan baik maka ia adalah azimat dan diharuskan. Ini terletak kepada niat dan amalan-amalan masing-masing. Tetapi Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memberi nasihat supaya cara menulis ayat-ayat yang berbagai rupa dan bentuk seperti kapal ini adalah tidak elok dan hendaklah dihindarkan kerana ditakuti kelak timbulnya penghinaan dan pemujaan terhadap rupa bentuk itu.

(Oktober 1996)



FATWA PENGIRAAN ZAKAT DAN SUBSIDI PADI (MAL AL-MUSTAFAD)

Bagaimanakah pandangan Ahli Jawatankuasa mengenai pengiraan zakat padi dan subsidi padi (Mal Al-Mustafad)?

Keputusan

Kerajaan memberi subsidi ini kepada orang yang membuat bendang dan menjual padi itu dalam tempoh yang ditetapkan, sekiranya seseorang itu telah menyimpan padi ke satu tarikh yang luput tempohnya maka subsidi padi tidak akan diberikan kepadanya, ini bererti subsidi itu bukanlah dari hasil padi tetapi sebagai inisiatif (galakan) yang diberi oleh Kerajaan kepada pesawah-pesawah padi dan ia adalah berasingan daripada hasil padi sebenarnya.

Bagi subsidi sebanyak 0.2481 itu adalah sebahagian daripada subsidi yang diberi oleh Kerajaan kepada petani seperti baja, benih, racun dan sebagainya. Semua ini dinamakan subsidi, oleh itu sekiranya hendak diambil kira semuanya maka hendaklah semua dimasukkan dalam satu kiraan sebagai subsidi bukan hanya subsidi jualan padi sahaja oleh kerana itu subsidi padi itu adalah berasingan dengan harga padi.

Jika berlaku bencana alam terhadap padi-padi yang ditanam, maka subsidi akan luput daripada pesawah-pesawah padi tadi dan ia hanya dapat subsidi dalam bentuk yang lain. Oleh itu,

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memberi pendapat bahawa subsidi padi bukan harga padi dan tidak boleh dicampur subsidi padi dengan harga padi untuk kiraan pungutan/kutipan zakat biji-bijian.

(Oktober 1996)

